

Sedikit komentar berkenaan al-Aurād

Kelebihan al-Aurād

Wirid-wirid yang telah diajarkan oleh asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs kepada murid-murid beliau mempunyai satu keistimewaan, yakni ia adalah hasil daripada apa yang telah diajarkan kepada beliau oleh Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* sendiri.

Telah bercerita asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs di dalam kitab yang berjudul **Kunūz al-Jawāhir an-Nūrāniyyah Fī Qawā‘id aṭ-Ṭarīqah asy-Syādhiliyyah**:

Selepas aku mencapai penetapan di dalam tarekat ini di atas tangan guruku Abū al-Qāsim al-Wazīr, semoga beliau dirahmati Allāh Ta‘ālā, dan naik melalui bimbingannya sehingga sampai ke *‘alam al-ghaib*, dan dengan itu aku telah menjadi seorang mukmin yang sebenar-benarnya, maka aku telah bertemu selepas kematiannya, semoga beliau dirahmati Allāh Ta‘ālā, dengan Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*.

Turut serta di dalam perhimpunan *ṣūrī* (yakni perhimpunan yang bukan berbentuk fizikal) itu ialah al-Khaḍīr *‘alaihi-salām*. Rasulullah *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* telah menyuruh al-Khaḍīr *‘alaihi-salām* mengajarku segala zikir aṭ-Ṭarīqah asy-Syādhiliyyah, maka dia pun mengajarku di hadapan Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*.

Setelah itu, Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* telah menyuruh al-Khaḍīr *‘alaihi-salām* mengajarku amalan yang dapat menghimpunkan segala zikir dan selawat dan istighfar, dan yang terlebih besar pahalanya, dan terlebih banyak bilangannya (yakni yang terlebih tinggi nilainya).

Dia (yakni Al-Khaḍīr *‘alaihi-salām*) telah bertanya kepada baginda (yakni Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*), “Apakah ia, wahai Rasūlullāh?”

Maka baginda telah mengajarku *adh-Dhikr al-Makhṣūṣ* yang telah diulangi oleh baginda sebanyak tiga kali. Aku juga telah disuruh mengulangi bacaan itu, maka aku pun melakukannya.

Setelah itu, baginda telah membaca pula *aṣ-Ṣalāh al-‘Aẓīmiyyah*, dan aku telah mengulangi bacaan baginda itu. Kemudian, baginda telah membaca pula *al-Istighfār al-Kabīr*, dan aku telah mengulangi bacaan baginda itu

Aku telah dipakaikan dengan beberapa cahaya serta kekuatan yang bersifat *muḥammadiyyah*, dan telah direzekikan juga kepadaku beberapa penglihatan yang bersifat *ilāhiyyah*.

Setelah itu, bersabda baginda kepadaku, “Wahai Aḥmad, telah aku berikan kepadamu kunci-kunci tujuh petala langit dan tujuh petala bumi, dan ia adalah *adh-Dhikr al-Makḥṣūṣ*, dan *aṣ-Ṣalāh al-‘Azīmiyyah* dan *al-Istighfār al-Kabīr*. Satu kali membacanya itu adalah seperti kadar dunia dan akhirat, dan apa yang terkandung di dalam kedua-duanya, dan yang digandakan pula [kadarnya] beberapa gandaan . . .”

Kemudian Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* telah mengajarku selepas itu, dengan tiada perantaraan (*wāsiṭah*). Baginda telah mengimlakkan (*dictated*) kepadaku [beberapa waktu kemudian] *al-Maḥāmid ath-Thāminah*, *al-Aḥzāb* dan *aṣ-Ṣalawāt* (yakni Selawat 14). Maka aku telah menuliskannya seperti mana yang telah diajarkan kepadaku, dan aku telah membahagikan *al-Aḥzāb* dan *aṣ-Ṣalawāt* kepada tujuh bahagian untuk dibacakan satu bahagian pada setiap hari, dengan khusyuk dan perendahan diri (*khudū‘*) bagi orang yang belum sampai, dan dengan kehadiran hati (*ḥuḍūr*) dan rasa (*dhauq*) dan penyaksian (*musyāhadah*) bagi orang yang sudah sampai.

Maka jadilah aku pula mengajar murid-muridku seperti yang telah diajarkan oleh baginda *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* kepadaku, dan aku telah iktibarkan pula perkara-perkara yang tersebut itu daripada beberapa syarat . . .

Dan pada suatu waktu yang lain pula, telah berkata asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs:

Para penghulu bagi tarekat ini telah mengambil cara mereka melalui perantara-perantara, tetapi aku telah mengambil tarekat ini langsung daripada baginda Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* (yakni melalui jalan rohani), tanpa adanya seorang perantara.

Maka tarekatku ini adalah *muḥammadiyyah aḥmadiyyah*, awalnya dan akhirnya adalah *nūr muḥammad*

Telah bercerita lagi asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs:

Setiap nabi mempunyai satu doa yang diperkenankan [oleh Allāh], dan setiap wali mempunyai satu permintaan di sisi an-Nabī *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* yang diperkenankan [oleh an-Nabī *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*].

Tatkala sampai waktunya, aku telah membuat permintaan kepada Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* agar memberikan penjagaan kepada para sahabatku dengan zat baginda yang khas, di dalam urusan bantuan rohani (*madad*).

Maka baginda telah berkata, “Sesiapa yang menisbahkan dirinya kepadamu (yakni mengambil tarekat yang berasal daripada asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs), tiada akan aku serahkan dia untuk penjagaan yang lain daripadaku, dan tiada akan aku jadikan dia tanggungjawab bagi yang lain daripadaku. Akulah yang menjadi penjaganya dan yang akan bertanggungjawab ke atasnya.”

Telah berkata asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs bahawa Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* telah berkata kepadanya:

Sesiapa yang mengambil tarekat ini dan bersungguh-sungguh di dalamnya, akan dituliskan dia di dalam daftar Allāh yang tertinggi, yang tidak akan diubahkan dan tidak akan digantikan [nama-nama di dalam kandungannya].

Telah berkata lagi asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs:

Tarekatku ini, tiadalah keadaannya melainkan pada langkah yang pertama di sini, dan pada langkah yang kedua [sudah pun berada] di sisi Allāh.

Telah berkata lagi asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs:

Anak-anakku (yakni anak-anak murid atau para pengikut asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs) akan terlepas daripada fitnah-fitnah di akhir zaman.

Kelebihan Fātiḥah al-Aurād

Fātiḥah al-Aurād ini banyak dimasukkan ke dalam amalan-amalan yang telah diajarkan oleh asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs. Kelebihannya yang utama ialah ia dapat menggandakan ganjaran mana-mana amalan. Ia telah diketahui sejak zaman Nabi Mūsā *‘alaihis-salām* lagi.

Telah diceritakan di dalam sebuah tulisan oleh sesetengah *al-‘ulamā’* silam bahawa telah sampai satu riwayat melalui Ibn ‘Abbās, semoga dia dan bapanya diredai Allāh, bahawa telah bersabda Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* [yang bermafhum]:

Mūsā ibn ‘Imrān *‘alaihis-salām* pernah bertanya kepada Jibrīl *‘alaihis-salām* mengenai pahala membaca ayat al-Kursī. Dia telah menjawab pahalanya adalah tidak terhingga. Kemudian telah datang Jibrīl *‘alaihis-salām* sekali lagi pada suatu waktu yang lain dan dia telah berkata, “Telah berfirman Tuhanmu untukmu, “Sesiapa yang membaca selepas tiap-tiap sembahyang yang *maktūbah* (yakni yang telah difardukan) *allāhumma innī uqaddimu . . .* (hingga ke akhir *Fātiḥah al-Aurād*) dan disambungkan dengan ayat al-Kursī, maka bahawasanya, malam dan siang itu selama dua puluh empat jam, tiada padanya satu jam melainkan naik kepadaKu daripada tujuh puluh ribu kebaikan hingga sampai waktu ditiup Sangka Kala.””

Fātiḥah al-Aurād dan ayat al-Kursī juga telah turut dimasukkan ke dalam amalan *Hizb al-Barr* yang telah diajarkan oleh asy-Syaikh Abū al-Ḥasan ‘Alī asy-Syādhilī (meninggal dunia pada tahun 656 Hijrah), seorang “moyang” rohani (yakni mengikut silsilah tarekat) kepada asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs.

Kelebihan at-Tahlīl al-Makḥṣūs

Sebenarnya berzikir dengan kalimat *lā ilāha illallāhu muhammadur rasūlullāh* sudah pun diamalkan sebelum zaman asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs lagi.

Telah menulis asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs di dalam sepucuk surat beliau:

Sesungguhnya, kami telah mengambil tarekat ini daripada guru kami ‘Abdul Wahhāb yang tersebut, dan dia telah mengambil daripada an-Nabī *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*.

Dan aku pernah mendengar dia berkata, “Aku telah mendengar Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* berkata, “Tiada aku melihat yang lebih bermanfaat daripada *lā ilāha illallāhu muhammadur rasūlullāh . . .*””

Tetapi asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrī telah mendapat keistimewaan apabila telah diajarkan oleh Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* agar menambahkannya dengan kata-kata “*fi kulli lamḥatiw wa nafasīn ‘adada mā wasī‘ahu ‘ilmullāh.*” Ini menyebabkan zikir itu bertambah berganda-ganda nilainya.

Telah bercerita asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs:

Pada suatu ketika, telah berkata Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*, “*Lā ilāha illallāhu muhammadur rasūlullāhi fī kulli lamḥatiw wa nafasin ‘adada mā wasi’ahu ‘ilmullāh*. Telah aku simpankan ia (yakni *at-Tahlīl al-Makhṣūṣ* yang dikenali juga sebagai *adh-Dhikr al-Makhṣūṣ*) untukmu wahai Aḥmad. Tiadalah engkau didahului oleh sesiapa pun kepadanya. Maka ajarkanlah ia kepada para sahabatmu supaya dapat mereka berlumba-lumba dengan orang-orang yang terdahulu (*al-awā’il*).”

Telah bercerita asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs mengenai kelebihan *at-Tahlīl al-Makhṣūṣ*:

Andai kata ada seorang individu mengucapkan *lā ilāha illallāhu muhammadur rasūlullāh* dari masa Sayyidinā Ādam *‘alaihis-salām* hingga ke masa ditiupkan Sangka Kala, dan ada pula seorang individu lain membaca *at-Tahlīl al-Makhṣūṣ* satu kali sahaja, nescaya pahala membaca *at-Tahlīl al-Makhṣūṣ* itu melebihi pahala pembacaan [oleh individu] yang lain itu.

Telah diceritakan pula di dalam sebuah riwayat lain:

Barangsiapa mengucapkan tahlil ini sekali sahaja di dalam sehari dan semalam, maka akan dituliskan untuknya [yang dia adalah termasuk ke dalam golongan] orang-orang yang berzikir kepada Allah [dengan sangat banyak] tanpa hisab . . . [\(1\)](#)

Kelebihan Selawat al-‘Azīmiyyah

Telah diceritakan di dalam sebuah riwayat:

Seorang anak murid asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs telah meninggal dunia di Makkah al-Mukarramah dan telah dikebumikan di perkuburan al-Ma‘lā (yang juga disebut sebagai al-Mu‘allā). Seorang ahli kasyaf daripada kalangan sahabat-sahabat si mati berada di situ sewaktu si mati sedang dikebumikan, dan telah memerhatikan beberapa perkara yang sedang berlaku di alam ghaib.

Dia telah melihat seorang malaikat turun ke bumi membawa satu hamparan indah dari syurga dan satu lampu yang sangat terang benderang. Kubur si mati itu telah diluaskan sejauh mata memandang dan hamparan itu telah diberikan kepada si mati dan lampu yang terang benderang itu pula telah didirikan di sisinya.

Maka si ahli kasyaf itu telah berkata-kata kepada dirinya sendiri, “Apakah sebabnya si mati ini mendapat penghormatan yang sebegitu besar sehingga disuruh malaikat ini turun?”

Maka telah dikatakan kepada si ahli kasyaf itu, “Sesiapa pun di antara engkau sekalian boleh menerima penghormatan seperti ini dengan mengamalkan Selawat (*aṣ-Ṣalāh*) *al-‘Azīmiyyah*, yang telah diajarkan oleh asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs.”

Telah berkata asy-Syaikh Muḥammad ibn Aḥmad ad-Dandarāwī mengenai kelebihan selawat ini:

Hendaklah engkau sekalian menghafalkan selawat yang mulia ini sebagaimana engkau sekalian menghafalkan Sūrah al-Fātiḥah. Sesungguhnya, bagi sesiapa yang menghafalkannya, apabila dia mati, akan diluaskan kuburnya seluas jarak di antara langit dan bumi [sejauh perjalanan] lima ratus tahun. Dan akan dibentangkan di sisinya permaidani-permaidani dari syurga, dan diterangkan kuburnya hingga ke Hari Kiamat.

Telah berkata pula asy-Syaikh Muḥammad Ṭāhir ar-Rasyīdī al-Aḥmadi :

Kelebihan Selawat *al-‘Azīmiyyah* yang telah diajarkan oleh asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs ialah, jika ia dibaca sebanyak dua belas kali dan dihadiahkan pahalanya kepada mayat yang telah berlebih-lebihan ke atas dirinya (yakni orang yang kejahatannya melebihi kebaikannya), nescaya dia akan dipindahkan oleh Allāh ke dalam golongan orang-orang yang menerima nikmat daripada Allāh, yakni golongan *al-anbiyā’*, *aṣ-ṣiddīqīn*, *asy-syuhadā’* dan *aṣ-ṣāliḥīn*, dan mereka adalah sebaik-baik teman, kerana berkat ketinggian mertabat selawat ini

Kesahihannya telah pun dibuktikan oleh mereka daripada golongan ahli kasyaf dan ahlullāh, dengan penyaksian dan penglihatan rohani. Pahala dan ganjaran Selawat *al-‘Azīmiyyah* akan sentiasa berkekalan di dunia dan di akhirat. Tiadalah akan terputus pahalanya, dan andaikata seseorang itu sudah masuk ke dalam syurga sekalipun.

Bahkan pahalanya digandakan dengan penggandaan tanpa hisab, kerana kata-kata di dalam selawat itu, “dengan selawat yang berkekalan dengan kekekalan Allāh Yang Maha Agung”. Dan sesungguhnya, kekekalan Allāh Yang Maha Agung itu tiadalah ia mempunyai akhirnya. Maka selawat ini pun kekal selama-lamanya. Maka penggandaan pahala bagi selawat ini diberikan di

dunia, di alam barzakh, di padang mahsyar, dan juga di dalam syurga. Dan ia tidak akan sekali-kali hilang.

Selawat *al-‘Azīmiyyah* juga memiliki beberapa kelebihan lain dari segi maknawi.

Telah dikatakan oleh sesetengah masyaikh, dan di antara mereka ialah asy-Syaikh Muḥammad Bahā’uddīn al-Baiṭār asy-Syāmī, bahawa Selawat *al-‘Azīmiyyah* mempunyai persamaan dengan ayat al-Kursī. Oleh kerana ayat al-Kursī telah dikenali dengan panggilan penghulu segala ayat di dalam al-Quran, maka Selawat *al-‘Azīmiyyah* juga boleh dipanggil penghulu segala selawat, kerana persamaan-persamaan ini.

Persamaan pertama ialah di permulaan ayat al-Kursī ada kalimah Allāh. Begitu juga dengan Selawat *al-‘Azīmiyyah*, permulaannya ialah kalimah Allāh (di dalam perkataan *Allāhumma*). Persamaan kedua ialah di penghujung ayat al-Kursī ada kalimah *al-‘Azīm*. Begitu juga dengan keadaan Selawat *al-‘Azīmiyyah*, penghujungnya ialah kalimah *al-‘Azīm*.

Selain daripada itu, kalimah *al-‘Azīm* itu disebut sebanyak sepuluh kali di dalam Selawat *al-‘Azīmiyyah*. Ini adalah sebagai satu isyarat mengenai kelebihan dan kesempurnaannya berdasarkan (yakni mengambil iktibar dari) dua potong ayat al-Quran.

Potongan ayat yang pertama ialah pada ayat ke-196 dari Sūrah al-Baqarah yang bermafhum, **“Itulah sepuluh yang sempurna.”**

Potongan ayat yang kedua ialah pada ayat ke-160 dari Sūrah al-An‘ām yang bermafhum, **“Sesiapa yang mendatangkan satu kebaikan, maka baginya sepuluh [kebaikan] yang seumpamanya.”**

Disifatkan sepuluh itu dengan kesempurnaan adalah sebagai tanda tentang tiada penghujung bagi bilangan [pahala dan ganjarannya], kerana “setiap kebaikan itu digandakan dengan sepuluh, dan setiap daripada yang sepuluh ini digandakan lagi dengan sepuluh, dan ini berterusan sehingga tiada penghujung baginya.”

Selawat *al-‘Azīmiyyah* juga memiliki persamaan dengan kandungan satu amalan yang pernah diamalkan oleh asy-Syaikh ‘Abdul ‘Azīz ibn

Mas‘ūd ad-Dabbāgh. Kami petikkan di sini satu kisah dari kitab **al-Ibrīz** karangan asy-Syaikh Aḥmad ibn al-Mubārah as-Sijilmāsī al-Lamaṭī:

Pada suatu malam Jumaat, seperti biasa, aku telah membaca **al-Burdah** dan setelah mengkhatamkannya aku pun keluar dari taman itu. (Pada masa itu asy-Syaikh ‘Abdul ‘Azīz ad-Dabbāgh masih muda dan selalu membaca **al-Burdah** berdekatan dengan kubur asy-Syaikh ‘Alī ibn Ḥirzihim, seorang wali Allāh yang masyhur di Fez. **Al-Burdah** yang dimaksudkan di sini ialah sebuah kasidah yang mengandungi beberapa rangkap pujian terhadap Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*.) Aku telah berjumpa dengan seorang lelaki yang sedang duduk di bawah sebatang pohon.

Ketika dia berkata-kata denganku, dan jelaslah bahawa telah disingkapkan kepadanya urusan batinku, aku pun mengetahui yang dia adalah seorang lelaki daripada kalangan *al-auliya’ al-‘arifin billāh ‘azza wa jall*.

Aku lalu berkata, “Wahai penghuluku, berikanlah daku wirid dan ajarkanlah daku zikir . . .”

Maka dia telah berkata, “Aku tidak akan memberikan wirid itu kepadamu melainkan setelah engkau berikan dahulu janjimu kepada Allāh yang engkau tidak akan meninggalkannya (yakni meninggalkan mengamalkan wirid itu).”

Maka aku pun memberikan janjiku kepada Allāh dan bersumpah yang aku tidak akan meninggalkannya.

Aku telah menyangka yang mungkin dia akan memberiku sesuatu yang menyerupai wirid-wirid daripada beberapa orang masyaikh [yang pernah aku berguru dengan mereka] sebelum itu.

Maka dia telah berkata pula, “Bacakanlah sebanyak tujuh ribu kali pada setiap hari, *‘Allāhumma, wahai Tuhan, dengan kemegahan penghulu kami Muḥammad putera ‘Abdullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam, kumpulkanlah daku dengan penghulu kami Muḥammad putera ‘Abdullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam di dunia sebelum di akhirat.’*” [\(2\)](#)

(Asy-Syaikh ‘Abdul ‘Azīz ad-Dabbāgh telah mengamalkan amalan ini selama lebih kurang empat tahun hingga terhasil kepada beliau pembukaan rohani yang sangat besar.)

[Maka pada suatu hari,] telah bertanya kepadaku penghuluku ‘Umar (yakni guru kepada asy-Syaikh ‘Abdul ‘Azīz ad-Dabbāgh) sebelum keluar rohnya dan berpindah ke akhirat, “Tahukah engkau siapakah lelaki yang telah mengajarkanmu zikir di bawah pohon itu?”

Aku telah menjawab, “Tidak, wahai penghulu.”

Dia telah berkata, “Dia adalah penghulu kita al-Khaḍir ‘*alaihis-salām*.”

Telah berkata lagi asy-Syaikh Muḥammad ibn Aḥmad ad-Dandarāwī mengenai kelebihan selawat ini:

Kelebihan selawat ini bagi sesiapa yang banyak membacanya ialah ia membolehkan si pembaca berjumpa dan berkumpul dengan Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* [di kala mimpi dan di kala jaga]. (3)

Telah diriwayatkan bahawa asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs pernah berkata:

Kami pernah mengingatkan kepadamu agar memasukkan ke dalam *al-khalwah* sesiapa yang engkau lihat memiliki keazaman yang kuat untuknya, kerana Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* (melalui komunikasi rohani) pernah menyarankan sesetengah daripada *al-ikhwān* agar memasuki *al-khalwah* dan telah memerintahkan mereka memasukinya dengan mengamalkan Selawat *al-‘Azīmiyyah*. Maka mereka telah memasukinya dan telah terbukalah pintu (yakni pintu rohani) di antara mereka dengan Allāh dan pesuruhNya . . .

Kelebihan al-Istighfār al-Kabīr

Apa-apa juga kelebihan yang terdapat di dalam bentuk-bentuk istighfar lain, terdapat juga di dalam *al-Istighfār al-Kabīr*, yakni kelebihan-kelebihan yang telah disebutkan di dalam al-Quran dan di dalam hadis Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*.

Telah disebutkan pula oleh asy-Syaikh Ṣāliḥ al-Ja‘farī bahawa secara ringkas, faedah-faedah bagi *al-Istighfār al-Kabīr* adalah seperti yang berikut :

- 1) Peringatan bagi roh.
- 2) Memperbanyakkan rezeki.
- 3) Menghinakan nafsu dan menjadikannya merendah diri.
- 4) Terangkatnya bala (atau menjadikan luas mana-mana kesempitan).

Nota (1)

Telah diriwayatkan di dalam kitab **An-Nafahāt al-Ilāhiyyah** bahawa asy-Syaikh Ahmad ibn Idris telah berkata:

Hendaklah orang yang berzikir itu berada dalam keadaan zikirnya itu sudah tenggelam di dalam Keagungan Dia yang sedang diingati itu (*al-madhkūr* yakni Allāh), dan terdiri di hadapan dua matanya Kehebatan, Kebesaran, Keindahan dan KesempurnaanNya. Telah terhapus segala makhluk di dalam pandangannya. Telah terputus (yakni terhenti) segala pergerakan-pergerakan fikirannya (yakni fikirannya sudah tetap dan tenang, tidak lagi melayang-layang) . . .

Nota (2)

اللهم يا رب بجاه سيدنا محمد بن عبدالله ﷺ اجمع بيني وبين
سيدنا محمد بن عبدالله ﷺ في الدنيا قبل الآخرة

Nota (3)

Bertemu dengan roh-roh para nabi, bukanlah berlaku di alam nyata (yakni alam fizikal). Yakni, si sufi tidak melihat roh-roh para nabi itu dengan mata kepalanya, tetapi menyaksikan mereka dengan mata hatinya, kerana roh itu adalah satu perkara yang bukan fizikal dan tidak boleh dilihat dengan mata kepala.

Mengenai perkara ini, telah diriwayatkan di dalam kitab **al-Faḥḥ ar-Rabbānī** bahawa asy-Syaikh ‘Abdul Qādir al-Jīlānī pernah berkata di dalam sebuah ceramahnya:

Si mukmin memiliki satu cahaya yang dengannya dia melihat. Kerana itulah, an-Nabī *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* telah menyuruh kita berwaspada dengan pandangannya (yakni pandangan si mukmin yang sejati), kerana baginda telah berkata, “Takutilah firasat si mukmin, kerana sesungguhnya dia melihat dengan *nūr* Allah ‘Azza wa Jall.”

Si *ārif* yang telah didekatkan, diberikan juga satu *nūr* yang dengannya dia dapat melihat kedekatannya dengan Tuhannya ‘Azza wa Jall, dan melihat kedekatan Tuhannya ‘Azza wa Jall dengan hatinya.

Dia melihat roh-roh para malaikat dan nabi-nabi, juga kalbu-kalbu dan roh-roh *aṣ-ṣiddiqīn*. Dia melihat *aḥwāl* dan *maqāmāt* mereka.

Ini semua berlaku di dalam lubuk kalbunya dan dalaman *sirr*-nya. Dia kekal di dalam kebahagiaannya bersama dengan Tuhannya ‘Azza wa Jall . . .

Telah bercerita pula al-Imām Abū Ḥāmid al-Ghazālī mengenai perkara ini di dalam kitabnya yang berjudul **al-Munqidh Min aḍ-Ḍalāl**:

Dari masa awal jalan ini (*aṭ-ṭarīqah*), bermulalah *mukāsyafah* dan *musyāhadah* (yakni telah terjadi kepada orang-orang yang menjalani *sulūk* di dalam *khalwah*), sehingga mereka itu melihat (yakni dengan mata hati bukan dengan mata di kepala) malaikat-malaikat dan roh-roh para nabi ketika di waktu jaga, dan mendengar pula (yakni dengan telinga hati bukan dengan telinga di kepala) suara mereka, dan menerima daripada mereka petunjuk-petunjuk yang berfaedah.

Setelah itu, naik pula kepada melihat gambaran-gambaran dan misalan-misalan, sehingga sampai ia ke satu darjat yang payah untuk disebutkan dengan perkataan. Apabila diusahakan untuk memberikan ibarat baginya, akan terjadilah kesalahfahaman yang tidak mungkin dapat dielakkan . . .

Menurut asy-Syaikh ‘Abdul Wahhāb asy-Sya‘rānī, cara seorang wali Allāh yang sempurna itu mengambil pelajaran daripada Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*, ialah dengan roh wali Allāh itu bertemu dengan roh Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* di dalam keadaan jaga dan berkata-kata (*musyāfahatan*). Yakni, pertemuan di *‘ālam al-arwāh*, dan bukanlah bertemu dengan jasad seperti berjumpanya para sahabat baginda pada masa dahulu. Maka tidaklah dikira si wali Allāh itu sebagai seorang sahabat Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* di dunia ini.

Telah berkata asy-Syaikh ‘Abdul Wahhāb asy-Sya‘rānī:

Hendaklah engkau ketahui bahawa maqam seseorang itu dapat mengambil daripada Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* tanpa *wāsiṭah* (perantara) itu, adalah satu maqam yang sangat tinggi dan tidak dapat dicapai oleh setiap manusia.

Dan telah berkata pula asy-Syaikh ‘Alī al-Marṣafī:

Adalah di antara maqam *al-faqīr* dan maqam mengambil daripada Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* tanpa *wāsiṭah* itu 247,999 (dua ratus empat puluh tujuh ribu dan sembilan ratus sembilan puluh sembilan) maqam. Barang siapa tiada melalui segala maqam ini, maka tiada sah dia mengambil akan yang tersebut.

Dan telah berkata pula asy-Syaikh Yaqūt al-‘Arsyī (meninggal dunia pada tahun 732 Hijrah di kota al-Iskandariyyah), seorang guru dari aṭ-Ṭarīqah asy-Syādhiliyyah yang terkenal pada zamannya di negara Mesir:

Barang siapa mendakwa yang dia telah mengambil sesuatu adab dan ilmu langsung daripada Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*, maka hendaklah engkau tanyakan kaifiat (yakni cara) ia telah berlaku.

Maka jika dia berkata yang dia telah melihat satu cahaya yang telah memenuhi Timur dan Barat, dan dia telah mendengar Si Penutur yang telah berkata kepadanya dari segala cahaya itu pada seluruh zahirnya dan pada seluruh batinnya, dan ia tidak terhad dari satu arah sahaja (yakni ia datang dari setiap arah), dan telah berkata Si Penutur, “Dengarkanlah apa yang diperintahkan kepadamu oleh nabiKu dan rasulKu”, maka bolehlah engkau membenarkannya. Dan jika tidak [seperti yang demikian], maka dia adalah seorang pendusta.

Bagi sesiapa yang ingin berjumpa dengan Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* semasa tidur dan semasa jaga, selain daripada membaca Selawat *al-‘Azīmiyyah* dengan banyak pada setiap hari, dia harus juga menghayati satu pesanan khas daripada asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs.

Asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs pernah berpesan kepada anak-anak murid beliau agar mencintai serta mengikuti sunnah Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* dengan sepenuh jiwa raga pada setiap masa, dan sentiasa pula sibuk dengan berselawat ke atas Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*, dan mentakzimkan baginda, sehingga mencapai *mukāsyafah*. Dengan itu, dapatlah si murid berjumpa dengan Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* semasa tidur dan semasa jaga, dan menerima ilmu secara langsung daripada Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam*.

Tentang pesanan daripada asy-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs ini, telah bercerita asy-Syaikh Muḥammad ibn ‘Alī as-Sanūsī mengenainya seperti yang tersebut di dalam kitab **Al-Majmū‘ah al-Mukhtārah**:

Ini adalah hasil daripada engkau mencontohi baginda di dalam segala perkataan dan perbuatanmu, dan melazimi menyibukkan dirimu dengan mengucapkan selawat, dan mengulanginya pada setiap waktu, ketika bersendirian atau ketika di khalayak ramai, sehingga pengucapan selawat itu memenuhi hatimu dan meratai batinmu, sehingga engkau akan terharu apabila mendengar nama baginda disebut, dan penyaksian baginda membentuk di hatimu, dan engkau melihat rupa baginda di hadapan mata hatimu. Kemudian Allah akan mengurniakanmu nikmatNya secara zahir dan batin. Engkau akan melihat baginda di dalam mimpi-mimpimu pada mulanya. Setelah itu, engkau akan melihat baginda ketika engkau jaga [bukan hanya setakat di dalam mimpi]

Telah berkata pula Mawlāy al-‘Arabī ad-Darqāwī di dalam kitab **ar-Rasā’il ad-Darqāwīyyah** :

Aku menasihatimu agar mendekatlah kepada Rasūlullāh *ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam* dengan membanyakkan membaca selawat dan salam ke atas baginda, sebagaimana yang telah kami ajarkan beberapa hari dahulu.

Pada pendapat kami, hakikat membaca selawat dan salam ke atas baginda hanya akan diperolehi oleh orang yang mengikuti sunnah baginda dan bersifat dengan sifat-sifat baginda. Ramai manusia yang telah membaca selawat ke atas baginda dengan jumlah yang banyak, namun mereka sedang berenang di dalam kegelapan. Ini ialah kerana mereka jahil tentang sunnah baginda. Mereka telah berkecimpung di dalam bidaah. Semoga Allāh mengurniakan rahmat kepadamu! Berhati-hatilah dengan lubang ini dan jauhilah ia. Semoga Allāh menyelamatkan kami dan engkau daripada terjatuh ke dalamnya.